

# Program Mobiliti GIACC ke Hannam University berimpak tinggi

Platform mahasiswa dan pensyarah berkongsi pengalaman, bertukar pandangan  
**UB 21.02.2024 P.02**

KOTA KINABALU: Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Unit Penyelidikan dan Pembangunan Keusahawanan (UPPPK), 'Association to Advance Collegiate Schools of Business' (AACSB) FPEP dan Program Mobiliti FPEP mengadakan program mobiliti 'Global Industry-Academia Cooperation Collaboration' (GIACC) ke Hannam University (HNU), Korea Selatan pada 19 sehingga 24 Februari 2024.

GIACC adalah salah satu aktiviti kerjasama mobiliti yang dijalankan bersama HNU, berasaskan pendekatan program berkredit Capstone Design HNU.

Program ini adalah lawatan balas bagi menghargai 16 warga Hannam University yang terdiri daripada lapan

profesor dan lapan mahasiswa yang melawat UMS pada Disember tahun lalu.

Kerjasama sedemikian memberikan ruang dan platform untuk para mahasiswa, pensyarah berkongsi pengalaman, bertukar pandangan mengenai pengurusan perniagaan antarabangsa Malaysia serta Korea Selatan.

Pengarah 'Leaders in Industry-University Cooperation 3.0 Hannam University', Prof. Dr. Won Gu Hwan mengalu-alukan kedatangan para peserta program dari UMS.

Para peserta terdiri daripada Pensyarah UMS Rosle Mohidin, Pengarah AACSB, Penyelaras Mobiliti FPEP Datu Razali Datu Eranza berserta tujuh mahasiswa FPEP.

Beliau mengucapkan terima kasih atas lawatan diadakan pada kali ini, dan

mengharapkan lebih ramai kunjungan dibuat pada masa depan.

Lawatan kali ini diselenggarakan oleh Pengurus Capstone Design HNU-UMS, Prof. Peter Lee Jae Myeong yang merancang pelbagai program syarahan, lawatan industri dan kerja berkumpulan.

GIACC pada hari pertama dimulakan dengan syarahan disampaikan Rosle dengan topik 'Global Finance Case Studies' dan disusuli oleh Datu Razali dengan tajuk 'Competency-Based Talent Management' (CBTM).

Syarahan ketiga diteruskan oleh Profesor Chen Hong dengan topik 'Global Marketing Strategy: Entering Foreign Market'.

Program hari kedua diteruskan dengan lawatan teknikal industri, lawatan sambil belajar dan pembentangan



**SYARAHAN: Won ketika menyampaikan syarahan.**

kertas kerja para mahasiswa HNU serta UMS.

Program GIACC yang berasaskan 'Capstone Design' sememangnya menggalak dan melatih mahasiswa dalam perniagaan antarabangsa, berdasarkan latar belakang yang berbeza bidang serta pengalaman.

Melalui program sedemikian, para mahasiswa dan pensyarah dapat menjalinkan hubungan antarabangsa bukan saja dengan rakan strategik akademik, tetapi juga merangkum penglibatan industri.

GIACC satu lagi pencapaian aktiviti antarabangsa AACSB Fakulti, yang dianugerahkan mobiliti aktif selama enam tahun berturut-turut.

Hasil program ini, fakulti di kedua-dua universiti akan mampu menambah baik keperluan pengajaran dan pembelajaran berasaskan in-

dustri yang dapat melahirkan mahasiswa berfikir kritis serta holistik.

Sememangnya, GIACC dan mobiliti antarabangsa akan menjalinkan hubungan kerjasama strategik dalam akademik dan penyelidikan.

Selain itu, para mahasiswa sebagai peserta program kali ini akan dapat mengamati pembelajaran berasaskan industri dan pengalaman hasil lawatan teknikal.

Perbincangan mesyuarat mobiliti mengharapkan universiti dan rakan industri di Daejeon, Korea Selatan dan Sabah, Malaysia akan terus memberikan sokongan bagi menjayakan GIACC Capstone Design HNU dan UMS pada masa akan datang.

HNU dijangka akan melawat UMS pada Jun 2024 yang akan disertai oleh para profesor, pensyarah dan mahasiswa.



**KENANGAN: Para peserta dari HNU dan UMS merakamkan kenangan sempena program itu.**